



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU PERPADUAN 2024
PERINGKAT NEGERI PERLIS**

**30 JUN 2024 (AHAD)
LAMAM PUTRA BRASMANA**

**Salam Perlis, Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera,
Perlis Maju.**

Mengadap,

**DULI YANG MAHA MULIA PEMANGKU RAJA PERLIS,
TUANKU SYED FAI-ZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED
SIRAJUDDIN JAMALULLAIL**

Dan Mengadap,

**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA PUAN MUDA PERLIS,
TUANKU DR. HAJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH KHALIL**

Ampun Tuanku,

Patik bagi pihak seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih, atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis.**

Sesungguhnya keberangkatan Duli-Duli Tuanku ke majlis ini telah memberikan suatu pengertian yang cukup bermakna kepada kerajaan persekutuan untuk terus memacu usaha bagi memastikan perpaduan dan keharmonian rakyat pelbagai kaum di negara ini dapat dipelihara.

Ampun Tuanku,

Patik pohon ampuni limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalian.

Ampun Tuanku,

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perlis** atas penganjuran **Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis**.
2. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk **menyebarkan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam masyarakat Malaysia**. Dengan bertemakan **'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'**. Sambutan Minggu Perpaduan telah diisi pelbagai program di bawah flagship Kembara Perpaduan yang merangkumi tiga (3) kluster program iaitu **Semarak Kenegaraan, Semarak Perpaduan dan Komuniti Rahmah** ke arah Membangun Malaysia MADANI.

3. Pada tahun ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menganjurkan **Sambutan Minggu Perpaduan secara tiga peringkat** bagi merencanakan semangat perpaduan di peringkat akar umbi iaitu:

- I. **Jelajah Kembara Perpaduan** dengan menjadikan **Negeri Sabah sebagai lokasi pertama** jelajahnya bersama-sama dengan Sambutan Aidilfitri MADANI Peringkat Kebangsaan. Seterusnya diikuti dengan **Negeri Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Terengganu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.**

- II. **Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan di Negeri Johor** yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri dengan pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi kepada komuniti setempat seperti Jualan RAHMAH, Pameran Perkampungan Rumah Panjang Masyarakat Iban, Pameran Perkampungan Masyarakat Orang Asli, 22 Rumah Etnik dan Pameran Malaysia Bertuah Tanah Berdaulat.

III. **Karnival Perpaduan** dengan pengisian pelbagai aktiviti berunsurkan seni, budaya dan kenegaraan di peringkat negeri **Selangor, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Melaka, Perak, Perlis dan Pahang.**

4. Kementerian menerusi kesemua agensi dibawahnya akan terus memberikan tumpuan dalam **meningkatkan semangat perpaduan, kenegaraan, kasih sayang, muhibbah dan kesukarelawan** dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa, etnik dan agama.
5. Sesungguhnya menerusi pendekatan penyatuan nasional ini telah berupaya memupuk semangat kebersamaan dan kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia. **Rakyat seharusnya turut sama mengambil bahagian dalam mendepani cabaran masa depan iaitu membina Negara Malaysia yang bersatu padu.**
6. Dengan mengamalkan kasih sayang dan hormat menghormati antara kaum, ia mampu memupuk kesepaduan sosial dalam kalangan rakyat. Akhirnya, hasrat negara untuk membentuk keharmonian hidup bermasyarakat dapat direalisasikan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PROJEK PEMBINAAN BARU KOMPLEKS PERPADUAN PERLIS

7. Kerajaan telah meluluskan Projek Pembinaan Kompleks Perpaduan Negeri Perlis dalam Rancangan Malaysia Ke-12, tahun 2021 dengan kos projek berjumlah RM16.8 juta. Projek yang dibina di atas tanah seluas 7.06 ekar di Mukim Seriab ini **telah bermula pada 6 Februari 2024 dan dijangka siap pada 15 Disember 2025.**

8. Kompleks Perpaduan Perlis ini akan menempatkan Pejabat Perpaduan Perlis, Dewan Serbaguna, TABIKA dan TASKA Perpaduan, Bilik Operasi Pusat Rukun Tetangga, Bilik Operasi Mediator Komuniti dan lain-lain kemudahan awam.

9. **Kompleks Perpaduan Perlis ini merupakan Kompleks Perpaduan yang pertama menempatkan ruang Jentera Perpaduan secara bersepadu dan akan menjadi contoh bagi kompleks perpaduan yang akan dirancang pembinaan di seluruh negara kelak.**

10. Dengan adanya Kompleks ini, **Negeri Perlis boleh diangkat menjadi Hab Perpaduan untuk Zon Utara** di mana lebih banyak program perpaduan dapat dilaksanakan yang turut memberi faedah kepada komuniti setempat. Pelbagai aktiviti di bawah Kembara Perpaduan yang potensi dianjurkan adalah seperti program komuniti Rahmah, karnival ekonomi komuniti, KRT Progresif, Sukan Uniti, dan Sambutan Perayaan dapat dilaksanakan.

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

PINTU GERBANG KRT

11. Kementerian menyokong penuh usaha oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perlis bagi mewujudkan **Pintu Gerbang KRT di seluruh KRT Negeri Perlis.**

12. Pintu Gerbang KRT Negeri Perlis akan menjadi mercu tanda sebagai pengenalan kepada kewujudan KRT di kawasan. Selain itu, ini juga akan menjadi sebahagian promosi kepada Tahun Melawat Perlis 2024 - 2025 yang mengetengahkan kehidupan komuniti setempat.

PENUTUP

13. Akhir kata, keharmonian dan kestabilan negara yang wujud selama ini bukan sahaja perlu dipertahankan, bahkan ia perlu dijana dan digemblengkan dengan lebih luas sehingga membawa kepada proses integrasi yang sebenar. Perkara itulah yang akan membawa kepada kesempurnaan yang sebenar dalam konteks pembinaan bangsa.
14. Bak kata orang Iban, “**Segulai Sejalai**” yang melambangkan kesatuan, perpaduan serta semangat kerjasama yang utuh perlu diterjemahkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebelum berundur saya ingin akhiri ucapan ini dengan serangkap pantun.

***Singgah sebentar di tengah Pekan,
Dapat membeli Jeruk Maman,
Keharmonian rakyat tonggak kemakmuran,
Demi membentuk negara aman.***

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah ucapan patik. Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat ke Majlis Perasmian Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Negeri Perlis pada hari ini.

Menjunjung Kasih Tuanku,

Ampun Tuanku.